

Forum

Awasi pensyarah agama mengajar kakitangan kerajaan

Saudara Pengarang,

DALAM pilihan raya baru-baru ini saya terkejut melihat pegawai dan kakitangan kerajaan secara terbuka bukan sahaja memihak kepada parti lawan tetapi begitu aktif berkempen dan menolong parti lawan.

Memanglah hak kakitangan kerajaan untuk menyokong siapa sahaja yang mereka suka. Teta-

pi berkempen, memasang poster dan menyuruh pengundi dalam pusat mengundi supaya menyokong parti lawan adalah bertentangan dengan khidmat yang diharapkan daripada kakitangan kerajaan.

Mereka hendaklah bersikap *neutral* atau berkecuali dalam menjalankan tugas mereka.

Setelah bertanya beberapa pegawai kerajaan

kenapa mereka menentang kerajaan, mereka menjawab bahawa kerajaan Malaysia tidak Islam.

Tuduhan

Ditanya apakah yang dilakukan atau tidak dilakukan oleh kerajaan Malaysia yang menyebabkan tuduhan bahawa kerajaan Malaysia tidak Islam, mereka mendakwa bahawa kerajaan Ma-

laysia menolak hukum syarak, tidak melaksanakan hukum hudud, mengadakan perhubungan sulit dengan Israel dan menolak penubuhan negara Islam seperti yang disyorkan oleh Pas.

Rupa-rupanya tuduhan ini disampaikan kepada kakitangan kerajaan oleh pensyarah-pensyarah agama yang ditugaskan oleh kerajaan untuk menyemaikan ni-

lai-nilai Islam di kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan.

Pensyarah-pensyarah ini mentafsirkan nilai Islam mengikut pendapat mereka sendiri dan pendapat mereka nampaknya dipengaruhi oleh Pas.

Nilai Islam yang dibawa oleh pensyarah-pensyarah ini tidak sedikitpun menyumbang kepada prestasi khidmat

yang diberi oleh kakitangan kerajaan.

Amanah

Nilai-nilai Islam seperti amanah, keikhlasan, menunaikan janji yang dibuat semasa menerima kerja dan nilai-nilai Islam lain yang mulia tidak diajar oleh pensyarah-pensyarah tersebut.

Yang diajar oleh pensyarah-pensyarah ini ialah yang boleh mengha-

kiskan kesetiaan kepada kerajaan dan mensabotajkan rancangan serta dasar-dasar kerajaan.

Saya berpendapat kerajaan harus mengawasi ajaran yang disampaikan oleh pensyarah-pensyarah ini semasa kuliah-kuliah yang diadakan di waktu tengah hari dan di masa-masa lain.

Jika tindakan tidak diambil untuk mengawal pensyarah-pensyarah ini

bukan sahaja pembangunan dan kemajuan negara akan terjejas tetapi konsep kesetiaan kepada kerajaan semasa akan hapus.

Dengan itu, kerajaan tidak lagi dapat melaksanakan dasar dan pembangunan negara. Malaysia akan menjadi negara yang tidak mungkin maju seperti kebanyakan negara membangun yang lain. — **KAKITANGAN KERAJAAN, KL.**